

Khazanah **beli** ekuiti Time dotCom demi pelabur: PM

BH 17 MAY 2000

Oleh Dzulkfley Zanudin, Azmi Md Deros dan Shamshul Azree Samshir

KERAJAAN menafikan cadangan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) membeli 30 peratus kepentingan dalam Time dotCom Bhd sebagai langkah 'menyelamatkan' syarikat yang menghadapi bebanan hutang. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan membuat keputusan membeli sebahagian daripada kepentingan Time dotCom kerana beberapa faktor, terutama kepentingan pelabur.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin pihak Barat akan mendakwa langkah Khazanah membeli kepentingan Time dotCom akan dilihat sebagai percubaan kerajaan 'menyela-

matkan' syarikat tenat.

"Mereka boleh kata apa yang mereka suka kerana apa yang mereka buat tidak ada perbezaan dengan apa yang kita buat.

"Apabila Long Term Capital Management (LTCM) kehilangan wang, orang yang melabur dalam LTCM menggunakan kedudukan mereka untuk mempengaruhi bank bagi memberi wang kepada LTCM.

"Apa yang mereka lakukan itu lagi teruk. Mereka sebenarnya menggunakan wang orang ramai untuk *bail out* diri mereka sendiri, kita tak *bail out* diri kita sendiri tetapi kita minta," katanya ke-

pada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2000 di Ipoh, semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosh Ghazali dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Khazanah membeli 30 peratus kepentingan dalam Time dotCom bagi membolehkan syarikat itu membuat penyusunan semula pembayaran hutangnya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak terbabit dalam proses membuat keputusan berhubung cadangan pembelian seba-

gian daripada kepentingan Time dotCom tetapi memper-tahankan dasar kerajaan untuk tidak membiarkan syarikat besar menanggung kerugian.

"Saya sebenarnya tak terba-bit dalam perkara ini, tetapi dasar kita ialah kita tak boleh benarkan syarikat besar 'jatuh' kerana kalau kita buat macam itu, ramai rakyat kita akan menderita.

"Ia bukan *bail out*, saya rasa mereka akan buat sesuatu yang tidak bertanggungjawab dan mereka akan berbuat sesuatu sehingga nilai syarikat berke-naan diturunkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Kha-zanah sebenarnya bertindak

atas kepentingan banyak pihak, termasuk kerajaan.

"Tetapi Khazanah tidak akan membawa masuk wang ke dalam syarikat itu dan membiar-kannya di situ. Kalau sesuai masanya untuk dijual, ia akan dijual seperti orang lain juga," katanya.

Beliau berkata, Time dot-Corn mempunyai potensi malah memiliki lesen pengendali rangkaian gentian optik yang baik.

"Ini adalah aset yang benar-benar baik dan solid (kukuh). Itulah sebabnya pihak lain, termasuk Singapore Telecommu-nications Ltd (SingTel) berse-

dia untuk bayar dan saya di-fahamkan SingTel sanggup meletakkan nilai yang lebih tinggi untuk Time dotCom dan harga yang tidak diterima oleh pihak lain pula," katanya.

Dr Mahathir berkata, Sing-Tel sanggup membuat penilaian lebih tinggi malah turut menaikkan nilai Time dotCom sehingga 20 peratus daripada nilai sebenarnya.

"Jadi nampak sangat Sing-Tel merasakan ia membawa pulangan yang baik untuk membuat tawaran dan jika mereka masuk kesannya tetap sama kerana Time dotCom dapat menyelesaikan masalah kewangannya," katanya.